

Kertas Bil. 31/2019



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN (JPK-
PEMBASMIAN KEMISKINAN) BAGI DEWAN NEGERI
SELANGOR BERHUBUNG PENYELARASAN KAEDAH
MENILAI TARAF KEMISKINAN BAGI TUJUAN
PEMBERIAN BANTUAN DI NEGERI SELANGOR**

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PEMBASMIAN KEMISKINAN BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR MENGENAI PENYELARASAN KAEDAH MENILAI TARAF KEMISKINAN BAGI TUJUAN PEMBERIAN BANTUAN DI NEGERI SELANGOR.

1. PENDAHULUAN

Penyata ini bertujuan untuk mengenalpasti corak perbelanjaan bagi golongan Kumpulan Sasar yang berpendapatan di bawah RM4,000, RM3,000, dan RM2,000. JPK-Pembasmian Kemiskinan telah mengadakan mesyuarat/taklimat sebanyak empat (4) kali pada 21 Ogos 2019, 28 Ogos 2019, 11 September 2019, dan 18 September 2019 dan satu (1) taklimat pada 4 September 2019. Dalam mesyuarat pertama bertarikh 21 Ogos 2019, JPK-Pembasmian Kemiskinan telah menetapkan rangka kerja mengenai isu berbangkit yang perlu diteliti. JPK-Pembasmian Kemiskinan telah bersetuju untuk menjemput agensi yang berkaitan untuk memberi taklimat tertutup untuk memberi pencerahan terhadap isu-isu berbangkit berkaitan kaedah menilai taraf kemiskinan bagi tujuan pemberian bantuan di Negeri Selangor.

2. LATAR BELAKANG

2.1 JPK-Pembasmian Kemiskinan telah mengadakan mesyuarat Bil 8/2019 pada 21 Ogos 2019 dan telah mengenalpasti isu berkaitan kaedah menilai kemiskinan. Jawatankuasa telah bersetuju untuk menjemput wakil dari Lembaga Zakat Selangor (LZS) untuk menyampaikan taklimat berkenaan Agihan Asnaf pada 4 September 2019. Jawatankuasa juga telah bersetuju menjemput Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) untuk menyampaikan taklimat berkenaan corak perbelanjaan bagi golongan berpendapatan di bawah RM4,000, RM3,000 dan RM2,000 di Negeri Selangor dalam mesyuarat JPK-Pembasmian Kemiskinan Bil 10/2019 bertarikh 11 September 2019 dan menjemput wakil dari Pusat Penyelidikan Kesejahteraan Sosial (SWRC), Universiti Malaya (UM) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Selangor dalam mesyuarat JPK-Pembasmian Kemiskinan Bil 11/2019 bertarikh 18 September 2019.

3. TAKLIMAT DARIPADA LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (LZS)

- 3.1 JPK-Pembasmian Kemiskinan telah mengadakan taklimat terbuka bersama LZS pada 4 September 2019 dan mesyuarat dihadiri oleh ahli-ahli berikut:
1. Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran
(ADN Bukit Gasing)

2. Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin
(ADN Permatang)
 3. Y.B Tuan Chua Wei Kiat
(ADN Rawang)
 4. Y.B. Tuan Edry Faizal Bin Eddy Yusof
(ADN Dusun Tua)
 5. Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin
(ADN Sungai Panjang)
- 3.2 Taklimat telah disampaikan oleh Encik Abdul Basith Bin Hamid, Ketua Divisyen Operasi Agihan Lzs.
 - 3.2.1 Jawatankuasa mengambil maklum Lzs adalah di bawah tanggungjawab MAIS di mana YAB Menteri Besar merupakan salah seorang Ahli Mesyuarat yang akan membantu dalam menyalurkan maklumat-maklumat yang berkaitan.
 - 3.2.2 Jawatankuasa mendapati polar perubahan jumlah keluarga asnaf adalah sebanyak 15% penambahan setiap tahun berdasarkan data diperolehi Lzs.
 - 3.2.3 Jawatankuasa juga mendapati keluarga asnaf yang berjaya meningkatkan pendapatan bulanan keluarga dan hilang kelayakan sebagai asnaf jauh lebih rendah berbanding jumlah keluarga yang memohon bantuan dari pihak Lzs dan diluluskan permohonan tersebut serta bertukar kepada status keluarga asnaf.
 - 3.2.4 Jawatankuasa juga mendapati belum wujud lagi sebuah Pangkalan Data Bersepadu (*Integrated Database*) antara Lzs dan agensi-agensi lain dalam menguruskan bantuan kepada golongan miskin kerana idea tersebut hanya di peringkat perbincangan dan belum ada yang bertanggungjawab dalam melaksanakannya. Pada masa ini, Lzs berkongsi maklumat dengan agensi-agensi lain secara manual.
 - 3.2.5 Jawatankuasa mendapati bagi bantuan jenis modal perniagaan, pelaksanaannya bergantung kepada lebihan peruntukan yang diperolehi Lzs dan kelulusan permohonan bergantung kepada kemampuan peserta yang mengikuti program ini. Hanya peserta/pemohon yang melepas syarat-syarat kelayakan sahaja yang akan diberi bantuan modal perniagaan maksimum RM5,000.

- 3.2.5.1 Lzs telah berkolaborasi dengan pihak TERAS untuk menjayakan program ini. Peserta yang berjaya mendapat bantuan modal perniagaan akan dipantau selama setahun oleh pihak Lzs dan pemantauan akan diteruskan selama 2 tahun oleh pihak TERAS.
- 3.2.6 Jawatankuasa mengambil maklum Bantuan Ekspres yang ditawarkan Lzs dibuka kepada semua golongan sama ada asnaf atau bukan asnaf dan pemohon bagi bantuan jenis ini akan dibanci oleh pihak Lzs.
- 3.2.6.1 Bagi Bantuan Ekspres, permohonan adalah terhad iaitu sekali sahaja dan ianya dilaksanakan melalui sistem online di bawah pemantauan pegawai Lzs.
- 3.2.7 Jawatankuasa mengambil maklum kos bagi bantuan bina semula rumah yang diperuntukkan oleh pihak Lzs adalah sebanyak maksimum RM50,000 dan kos yang melebihi jumlah tersebut akan melalui proses khusus dan memerlukan kelulusan khas oleh pihak Lzs.
- 3.2.8 Jawatankuasa mendapati Lzs bertindak proaktif dalam melaksanakan bantuan bencana kerana pihak Lzs akan turun ke kawasan yang dilanda bencana serta merta untuk proses agihan bantuan berkenaan.
- 3.2.9 Jawatankuasa juga mendapati Lzs telah menghadkan bantuan dalam bentuk wang fizikal dengan menggantikan bantuan secara khusus mengikut keperluan pemohon.
- 3.2.10 Jawatankuasa mengambil maklum bantuan sewa rumah yang diberikan oleh pihak Lzs dihadkan kepada RM600 sebulan dan untuk bayaran melebihi had tersebut akan melalui proses khusus yang memerlukan kelulusan khas.
- 3.2.11 Jawatankuasa juga mengambil maklum telah ada kerjasama antara Lzs dan LPHS untuk permohonan RSKU.
- 3.2.12 Jawatankuasa juga mengambil maklum Lzs bekerjasama dengan Sistem eKASIH dalam memastikan bantuan makanan bulanan yang dilaksanakan oleh Lzs tidak bertindih dengan bantuan makanan bulanan melalui sistem eKASIH.
- 3.2.13 Jawatankuasa mendapati proses menentukan status asnaf fakir dan asnaf miskin adalah melalui pengiraan Haddul Kifayah yang boleh dilakukan secara atas talian (*online*) dari laman sesawang rasmi Lzs.

- 3.2.14 Jawatankuasa mendapati tempoh bagi proses sesuatu permohonan bantuan, LZS memperuntukkan minimum 1 jam dan maksimum 6 bulan bergantung kepada jenis bantuan.
- 3.2.15 Jawatankuasa mengambil maklum bahawa pihak LZS akan membuat semakan semula bantuan yang telah diluluskan setiap tahun dan setiap 3 tahun, LZS akan memperbaharui senarai keluarga berstatus asnaf dengan meminta setiap keluarga asnaf melalui proses yang sama seperti proses permohonan bantuan yang telah ditetapkan LZS.
- 3.2.16 Jawatankuasa mendapati keluarga asnaf yang telah berjaya meningkatkan pendapatan keluarga dan hilang kelayakan sebagai asnaf akan diberitahu enam bulan sebelum pihak LZS memberhentikan bantuan dan keluarga asnaf tersebut perlu memastikan cara hidup mereka sesuai dengan pendapatan bulanan mereka dengan meletakkan prioriti perbelanjaan kepada hal-hal keperluan.
- 3.2.17 Jawatankuasa juga mengambil maklum pihak LZS hanya menawarkan bantuan mengikut keperluan pemohon dan bantuan tersebut akan dikurangkan sekiranya pendapatan keluarga asnaf meningkat.
- 3.2.18 Jawatankuasa mengambil maklum LZS proaktif dalam mengagihkan bantuan ekspres melalui program Skuad Saidina Omar yang dibawah penyeliaan Pegawai Daerah dan informasi didapati dari pelbagai medium dan medium yang paling utama adalah medium media sosial '*facebook*'. Kebanyakan kes yang memerlukan bantuan ekspres melibatkan penduduk di kawasan bandar.
- 3.2.19 Jawatankuasa mengambil maklum bagi pembayaran zakat sudah ada medium '*digital money*' yang dibangunkan oleh pihak LZS namun penggunaan '*currency digital*' belum ada lagi kerana LZS masih menunggu fatwa berkenaan hal tersebut dari pihak Mufti.

4 TAKLIMAT DARIPADA JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA (DOSM)

- 4.1 JPK-Pembasmian Kemiskinan Bil 10/2019 telah bermesyuarat pada 11 September 2019 dan mesyuarat dihadiri oleh ahli-ahli berikut:
1. Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran
(ADN Bukit Gasing)

2. Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin
(ADN Permatang)
 3. Y.B Tuan Chua Wei Kiat
(ADN Rawang)
- 4.2 Taklimat telah disampaikan oleh Puan Siti Asiah Ahmad, Pengarah Senior Bahagian Statistik Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).
 - 4.2.1 Jawatankuasa mengambil maklum DOSM mengeluarkan data mengenai corak perbelanjaan dan pendapatan sebanyak dua (2) kali untuk setiap lima (5) tahun melalui Tinjauan Perbelanjaan Isi Rumah dan Tinjauan Pendapatan isi Rumah.
 - 4.2.2 Jawatankuasa mengambil maklum DOSM hanya mengambil kira Perbelanjaan Penggunaan sahaja dalam menganalisis corak perbelanjaan isi rumah di Negeri Selangor, tanpa mengambil kira Perbelanjaan Bukan Penggunaan.
 - a) Antara contoh Perbelanjaan Bukan Penggunaan ialah simpanan, pelaburan, derma, dan yuran keahlian.
 - b) Bagi Pinjaman perumahan dan kereta, DOSM juga mengkategorikan ia sebagai Perbelanjaan Bukan Penggunaan.
 - c) DOSM hanya mengambil keseluruhan nilai rumah untuk dimasukkan ke dalam nilai Perbelanjaan Penggunaan dengan menganggarkan kos sewaan bulanan bagi mereka yang memiliki rumah sendiri.
 - 4.2.3 Jawatankuasa dimaklumkan corak perbelanjaan isi rumah di Selangor menunjukkan sebahagian besar pendapatan di belanjakan untuk membayar pinjaman perumahan dan kenderaan tanpa mengambil kira kategori perbelanjaan.
 - 4.2.4 Jawatankuasa mengambil maklum berdasarkan data yang diperolehi dari DOSM, Isi rumah di Selangor membuat perbelanjaan terbesar di **kumpulan Utama Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain**.

- a) Di Selangor, corak perbelanjaan isi rumah adalah 48.7% dari pendapatan untuk makanan, 25.9% untuk perumahan, air, elektrik, gas, dan bahan api lain dan 14.5% pengangkutan.
- b) Namun bagi golongan B40 di Selangor, 26.9% daripada pendapatan dibelanjakan untuk perumahan, air, elektrik, gas, dan bahan api lain.

4.2.5 Jawatankuasa mengambil maklum komposisi perbelanjaan mengikut kelas pendapatan di Selangor, jumlah isi rumah yang berpendapatan < RM2,000 kebawah adalah 32,751 dan 33.8% dari pendapatan dibelanjakan untuk perumahan dan 21% untuk perbelanjaan makanan dan 10.8% untuk perbelanjaan makanan di luar (restoran dan hotel) kerana gaya hidup di Selangor membuatkan mereka yang bekerja untuk makan diluar dan sekiranya ditambahkan peratusan untuk perbelanjaan makanan dan restoran, maka golongan ini sebenarnya memperuntukkan sebanyak 31.8% untuk makanan secara keseluruhannya. Manakala sebanyak 16.9% dibelanjakan untuk pengangkutan.

- a) DOSM memaklumkan Daripada keseluruhan jumlah isi rumah di Selangor, lebih dari 20% adalah isi rumah yang berpendapatan antara RM3,000 ke RM5,000 dan mereka juga seharusnya diberi bantuan yang khusus kerana kategori keperluan asas telah bertambah daripada tiga kategori kepada enam ategori (Makanan, perumahan, pakaian, kesihatan, pendidikan dan komunikasi).
- b) Bagi kategori komunikasi, pengiraannya termasuk pembelian peralatan dan caj servis.

4.2.6 Jawatankuasa mengambil maklum Komposisi perbelanjaan penggunaan kumpulan sasar di Negeri Selangor. Di Malaysia, golongan B40 adalah golongan yang berpendapatan di bawah RM4,360 tetapi di Selangor, golongan B40 adalah golongan yang berpendapatan di bawah RM6,180.

- i) Mengikut had minima B40 di Malaysia, di Selangor mempunyai 328,923 isi rumah dan golongan ini membelanjakan 21.1% untuk makanan dan minuman bukan alcohol dan 26.9% untuk perumahan, air, elektrik, gas, dan bahan api lain.

- ii) Mengikut data Komposisi Perbelanjaan Kumpulan sasar B40 < (RM6,180) di Selangor, 25.8% yang perbelanjaan untuk perumahan, air, elektrik, gas, dan bahan api lain, hanya 7.5% dari jumlah tersebut untuk mereka yang menyewa rumah manakala selebihnya adalah rumah sendiri dan anggaran 2.8% untuk bayaran elektrik.
 - iii) Hal ini kerana, 77% rumah di Malaysia telah dimiliki dan kebanyakannya golongan B40 yang berada di luar bandar telah pun memiliki rumah.
- 4.2.7 Jawatankuasa dimaklumkan sejak 2010, kerajaan telah menggunakan ciri-ciri Penentuan kelas pendapatan B40, M40, dan T20 yang diperkenalkan oleh Bank Dunia (World Bank). Namun begitu, Pengukuran Miskin Mutlak (absolute poverty) telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan sejak 1970an dan had minima bagi penentuan miskin mutlak adalah berbeza di setiap negeri berdasarkan polisi, tahap pembangunan dan kos sara hidup di negeri masing-masing.
- 4.2.8 Jawatankuasa mengambil maklum Had Minima Pengukuran Miskin Mutlak di Selangor adalah di bawah RM1,033.
- a) Manakala secara relatif, Had Minima Pengukuran Miskin di negeri Selangor adalah di bawah RM3,612
 - b) Cara pengukuran Miskin Relatif di Malaysia adalah 50% daripada median pendapatan.

5. TAKLIMAT DARIPADA PUSAT PENYELIDIKAN KESEJAHTERAAN SOSIAL (SWRC), UNIVERSITI MALAYA (UM)

- 5.1 JPK-Pembasmian Kemiskinan Bil 11/2019 telah bermesyuarat pada 18 September 2019 dan mesyuarat dihadiri oleh ahli-ahli berikut:
1. Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran
(ADN Bukit Gasing)
 2. Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin
(ADN Permatang)
 3. Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni
(ADN Sungai Kandis)

4. Y.B Tuan Chua Wei Kiat
(ADN Rawang)
 5. Y.B. Tuan Edry Faizal Bin Eddy Yusof
(ADN Dusun Tua)
 6. Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin
(ADN Sungai Panjang)
- 5.2 Taklimat berkenaan Belanjawanku telah disampaikan oleh Y.Bhg. Emiritus Professor Datuk Norma Mansor, Pengarah SWRC, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, UM.
- 5.2.1 Jawatankuasa mengambil maklum Belanjawanku merupakan hasil kajian dan tinjauan yang telah dilaksanakan oleh SWRC dan KWSP di kawasan Lembah Klang (Pangsapuri Cempaka dan Mawar, Klang) atas cadangan Tunku Alizakri Alias, Ketua Pegawai Eksekutif KWSP.
- a) Risalah Belanjawanku merupakan satu dokumen atau alat sebagai panduan untuk rakyat Malaysia berbelanjamengikut kategori dan juga sebagai strategi menangani bebanan hutang.
 - b) Antara isu yang menyebabkan penghasilan risalah Belanjawanku adalah masalah kewangan punca utama berlaku penceraian dalam kalangan masyarakat dan tahap beban hutang kakitangan kerajaan yang membimbangkan.
- 5.2.2 Jawatankuasa mengambil maklum Belanjawanku merupakan panduan untuk perbelanjaan minimum bulanan bagi individu dan keluarga di Malaysia untuk mencapai taraf kehidupan yang baik berdasarkan pola perbelanjaan sebenar isi rumah di Lembah Klang.
- a) Taraf kehidupan yang baik bermaksud mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk perbelanjaan keperluan asas dan perbelanjaan lain yang berpatutan untuk kehidupan yang selesa dan bermartabat serta kemampuan untuk melibatkan diri dalam aktiviti masyarakat agar kehidupan lebih bermakna dan bermatlamat.
- 5.2.3 Jawatankuasa mengambil maklum antara cabaran kewangan semasa adalah kebankrapan dan ianya sangat tinggi dalam kalangan anak muda iaitu sebanyak 60% yang diisyiharkan muflis

(tahun 2013 hingga 2017) berumur 18 hingga 44 tahun selain daripada simpanan tidak mencukupi dan hutang yang banyak.

- a) Antara penyebabnya ialah pengurusan kewangan yang lemah dan juga kadar pendapatan yang tidak selari dengan kenaikan kos sara hidup yang menyebabkan kemiskinan, kualiti hidup yang rendah, dan masalah sosial.
- b) Bebanan hutang banyak adalah kerana kegagalan melunaskan pinjaman bagi sewa beli kenderaan, pinjaman peribadi, Kad Kredit, dan Pinjaman Perumahan.
- c) Sebab utama kegagalan melunaskan pinjaman adalah kurangnya pendidikan dan kegagalan dalam merancang kewangan.

5.2.4 Jawatankuasa mengambil maklum berdasarkan kajian, berikut adalah kesilapan yang kerap dilakukan dalam menguruskan kewangan;

- i) Berbelanja di luar kemampuan mengikut nafsu.
- ii) Memberi alasan tiada masa untuk merancang kewangan.
- iii) Berbelanja menggunakan kad kredit dan membayar hanya jumlah minimum.
- iv) Tiada tabungan atau simpanan khas untuk penggunaan dikala kecemasan.
- v) Tidak memikirkan atau menangguh untuk membuat simpanan bagi persiapan hari tua.

5.2.5 Jawatankuasa mengambil maklum Kegunaan Belanjawanku di peringkat nasional, di KWSP, Institusi kewangan, dan di peringkat individu.

- a) Di peringkat nasional, Belanjawanku digunakan untuk mengkaji semula Pengukuran Garis Kemiskinan (PGK), Penggubalan Polisi Sosial (*Social Protection Policy*), dan Pengiraan kuasa membeli.
 - i) KWSP juga telah mencadangkan untuk menjadikan Belanjawanku salah satu alat rujukan dalam Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023 oleh Jaringan Pendidikan Kewangan yang telah

dilancarkan pada 23 Julai 2019 oleh YAB Tun Dr Mahathir Mohamad.

- ii) Hal ini kerana Bank Negara Malaysia meletakkan minimum kos hidup di bandar bagi seorang bujang berjumlah RM2,700 dan ianya jauh lebih tinggi berbanding jumlah anggaran perbelanjaan bagi seorang bujang di dalam Belanjawanku iaitu sebanyak RM1,870 sebulan.
 - b) Bagi KWSP, Belanjawanku dijadikan asas untuk anggaran kecukupan simpanan hari tua dan juga rujukan untuk khidmat nasihat kewangan dan juga untuk khidmat nasihat persaraan.
 - c) Bagi Institusi kewangan, Belanjawanku digunakan untuk ukuran kelayakan pinjaman dan khidmat kaunseling hutang.
 - d) Bagi Individu, Belanjawanku boleh dijadikan sebagai panduan kewangan dan pengurusan hutang peribadi dan juga anggaran simpanan untuk kecemasan dan hari tua.
- 5.2.6 Jawatankuasa mengambil maklum kepentingan untuk memahami cara perbelanjaan iaitu dengan mengenal pasti kehendak dan kemahanan bagi tujuan merancang perbelanjaan supaya dapat menguruskan perbelanjaan dengan cermat dan membuat keputusan yang bijak bersesuaian dengan keperluan mengikut kemampuan.
- 5.2.7 Jawatankuasa mengambil maklum inisiatif KWSP dan UM dalam membangunkan satu aplikasi kewangan yang akan membantu pengguna untuk mengawal perbelanjaan mengikut bajet yang telah ditetapkan di dalam Belanjawanku mengikut kategori.
- 5.2.8 Jawatankuasa mengambil maklum metodologi kajian untuk menghasilkan Belanjawanku adalah seperti di bawah.
- a) Bagi kategori isi rumah Lembah Klang yang dikaji, Kajian hanya mengambil kira golongan berikut.
 - i). Bujang yang menggunakan kenderaan awam atau pemilik kereta berumur antara 18-40 tahun yang bekerja dan bagi perbelanjaan perumahan berdasarkan sewa bilik;
 - ii). Pasangan berkahwin tiada anak berumur antara 18-40 tahun yang bekerja dan bagi

- perbelanjaan perumahan berdasarkan sewa rumah atau bayaran bulanan pinjaman perumahan (yang mana lebih rendah);
- iii). Pasangan berkahwin mempunyai 1 hingga 2 anak dimana umur anak pertama adalah 6 tahun kebawah dan umur anak kedua adalah di antara 7-13 tahun dan bagi perbelanjaan Perumahan berdasarkan sewa rumah atau bayaran bulanan pinjaman perumahan (yang mana lebih rendah);
 - iv). Warga emas berumur 60 tahun ke atas.
- b) Andaian secara umumnya individu dalam keadaan sihat, mempunyai akses kepada khidmat kesihatan kerajaan dan pendidikan awam, rasional, serta berupaya membuat keputusan yang bermaklumat.
- c) Bagi pengiraan perjalanan ketempat kerja, kajian hanya mengambil kira purata jarak perjalanan 30 kilometer (km) radius.
- d) Harga barang pilihan diambil kira berdasarkan titik harga 25% dari julat antara harga terendah dan termahal yang telah dikaji melalui katalog, internet, dan premis perniagaan sebenar dan harga tersebut dimuktamadkan selepas perbincangan bersama kumpulan sasaran seperti berikut.
- i. Individu rujukan dari isi rumah yang berlainan.
 - ii. Wakil agensi-agensi seperti KWSP, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Unit Perancang Ekonomi (EPU), Majlis Perundingan Gaji Negara, Bank Negara Malaysia (BNM), dan Badan Bukan kerajaan (NGO);
 - iii. Pakar Industri dan Institusi Kewangan;
 - iv. Ahli akademik.
- 5.2.9 Jawatankuasa mengambil maklum hasil kajian yang telah diterbitkan di dalam risalah Belanjawanku adalah seperti berikut.

- a. Bagi seorang bujang dan pengguna kenderaan awam, jumlah yang diperlukan setiap bulan ialah sebanyak RM1,870.
- b. Bagi seorang bujang dan pemilik kereta, jumlah yang diperlukan setiap bulan ialah sebanyak RM2,490.
- c. Bagi Pasangan kahwin dan tiada anak, jumlah yang diperlukan setiap bulan ialah sebanyak RM4,420.
- d. Bagi Pasangan kahwin dan mempunyai seorang anak, jumlah yang diperlukan setiap bulan ialah sebanyak RM5,730.
- e. Bagi Pasangan kahwin dan mempunyai dua orang anak, jumlah yang diperlukan setiap bulan ialah sebanyak RM6,620.
- f. Bagi pasangan warga emas, jumlah yang diperlukan setiap bulan ialah sebanyak RM3,090.
- g. Bagi seorang warga emas, jumlah yang diperlukan setiap bulan ialah sebanyak RM2,400.

5.2.10 Jawatankuasa mengambil maklum daripada hasil kajian, bagi perbelanjaan seorang bujang yang memiliki kenderaan, pertambahan kos sebanyak 33% diperlukan berbanding perbelanjaan diperlukan untuk seorang bujang yang menggunakan kenderaan awam disebabkan kos pengangkutan melibatkan kos petrol, tol, parking, cukai jalan, insurans, dan penyelenggaran kereta.

5.2.11 Jawatankuasa mengambil maklum, bagi bujang yang memiliki kenderaan dan juga rumah, jumlah yang diperlukan setiap bulan meningkat kepada RM3,060.

5.2.12 Jawatankuasa juga mengambil maklum, daripada hasil kajian, perbelanjaan bagi pasangan kahwin meningkat sebanyak 30% apabila mereka memiliki seorang anak dan pertambahan sebanyak 16% untuk anak yang kedua dan seterusnya.

5.2.13 Jawatankuasa juga mengambil maklum, daripada hasil kajian, perbelanjaan bagi warga emas dianggarkan berkurangan kerana tidak melibatkan kos pengangkutan dan perumahan.

5.2.14 Jawatankuasa mengambil maklum kos yang ditetapkan di dalam Belanjawanku bagi setiap kategori merupakan kos minimum yang munasabah bagi setiap kategori isi rumah.

- a. Bagi anggaran perbelanjaan untuk Perumahan iaitu sebanyak RM870.00 sebulan bagi isi rumah kategori keluarga, ianya berdasarkan harga Rumah jenis PRIMA atau RUMAWIP iaitu sekitar RM150,000.

5.2.15 Jawatankuasa mengambil maklum di peringkat antarabangsa, kos sara hidup di Malaysia stabil berbanding negara-negara lain, namun gaji nominal di Malaysia tidak meningkat selama bertahun-tahun meskipun harga barang telah meningkat. Walaupun harga barang tidak meningkat secara mendadak, namun peningkatan harga masih menyebabkan masyarakat di Malaysia sukar untuk menampung kos sara hidup terutama bagi golongan yang berpendapatan dibawah RM2,000 sebulan.

5.2.16 Jawatankuasa mengambil maklum cadangan yang disarankan oleh SWRC untuk membantu golongan yang berpendapatan RM2,000 ke bawah. Cadangan adalah seperti berikut.

- a. Kerajaan perlu bekerjasama dengan sektor swasta dan menggalakkan mereka untuk berkongsi keuntungan bersama pekerja-pekerja mereka.
- b. Kerajaan juga perlu menggalakkan pengusaha untuk mengambil pekerja tempatan dan menggunakan kepakaran teknologi dalam industri.
 - i. Pengusaha-pengusaha industri perlu menyedari pelaburan dalam latihan lebih baik bagi para pekerja dalam menghadapi cabaran tenaga manusia untuk tempoh jangka panjang.
 - ii. Usaha ini juga sebagai salah satu langkah untuk menangani isu pekerja asing.
- c. Kerajaan perlu membentuk satu polisi sosial yang membantu masyarakat mengikut kategori secara universal menggunakan pendekatan kitaran hidup (*life cycle approach*) seperti bantuan khas untuk kanak-kanak dan persekolahan mereka, bukan lagi menggunakan pendekatan berdasarkan kumpulan sasaran pendapatan yang memberi bantuan dalam bantuan kewangan.
 - i. Polisi untuk membantu kanak-kanak ini perlu kerana salah satu faktor yang mempengaruhi perkembangan kognitif kanak-kanak adalah makanan yang seimbang dengan amaun nutrisi yang bersesuaian.
 - ii. Polisi ini juga perlu untuk menggalakkan masyarakat melahirkan lebih ramai anak memandangkan kadar kesuburan pasangan di Malaysia mencapai tahap paling rendah iaitu 1.9 kanak-kanak untuk setiap isi

rumah dan jumlah ini tidak cukup untuk menggantikan generasi hari ini.

- d. Kerajaan juga perlu membantu golongan orang tua yang berusia 70 tahun dan keatas bagi mengurangkan kemiskinan kerana 53% penerima BSH merupakan golongan orang tua.
 - i. Polisi ini perlu kerana secara umum, simpanan persaraan hanya mampu bertahan sehingga umur 70 tahun.

5.2.17 Jawatankuasa mengambil maklum bahawa golongan yang berpendapatan rendah masih menjadi penerima manfaat dari polisi sosial mengikut kategori secara universal seperti yang dicadangkan.

- a) Polisi sosial secara universal juga dapat mengurangkan kos pentadbiran sebanyak 11% dan ia dapat disalurkan untuk melaksanakan polisi tersebut.
- b) Polisi sosial secara universal yang akan diterima oleh golongan berpendapatan sederhana dan tinggi juga berpatutan dengan kadar cukai yang mereka perlu bayar kepada kerajaan.

5.2.18 Jawatankuasa mengambil maklum saranan untuk meningkatkan Kadar Gaji Minimum kepada RM1,290 daripada RM1,033 untuk menjamin taraf hidup yang munasabah.

- a) Di peringkat antarabangsa, pengiraan Garis Kemiskinan Relatif adalah 50% daripada Pendapatan median.
- b) Mengikut statistik yang dikeluarkan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), pendapatan median di Selangor bagi seorang individu (bujang) adalah berjumlah RM2,580 dan bagi isi rumah kategori keluarga adalah berjumlah RM7,443.
- c) Berdasarkan statistik tersebut, Garis Kemiskinan Relatif di Selangor bagi isi rumah kategori bujang adalah di bawah RM1,290 dan bagi kategori keluarga adalah di bawah RM3,721.50.
- d) Ini menunjukkan terdapat jurang di antara Garis Kemiskinan Relatif dengan anggaran perbelanjaan minima yang

diperlukan isi rumah mengikut kategori seperti yang di dalam Belanjawanku.

- e) Bagi isi rumah ketgori bujang, anggaran perbelanjaan minima yang diperlukan setiap bulan adalah sebanyak RM1,870 namun Garis Kemiskinan Relatif bagi isi rumah kategori tersebut hanya di bawah RM1,290.
- f) Manakala bagi isi rumah kategori keluarga yang mempunyai 2 orang anak, anggaran perbelanjaan minima yang diperlukan setiap bulan adalah RM6,620 tetapi Garis Kemiskinan Relatif hanya di bawah RM3,721,50.

5.2.19 Jawatankuasa mengambil maklum inisiatif SWRC untuk membangunkan aplikasi android bagi tujuan pengurusan kewangan yang dapat memberi amaran kepada pengguna seandainya mereka telah berbelanja melebihi anggaran perbelanjaan bagi setiap kategori.

6. PENEMUAN JAWATANKUASA

- 6.1 Jawatankuasa mendapati Komposisi Perbelanjaan Penggunaan Mengikut Kelas Pendapatan Selangor 2016 oleh DOSM menunjukkan peruntukan terbesar adalah ke atas kumpulan utama perbelanjaan perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain. Bagi pendapatan <RM1,999, perbelanjaan untuk perumahan adalah 33.8%, <RM2,000 adalah 29.4% dan <RM3,000 adalah 26.5%.
- 6.2 Jawatankuasa mendapati Pengukuran Kemiskinan Mutlak yang dikeluarkan oleh DOSM berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan di Selangor iaitu RM1,033 terlalu rendah berbanding Garis Kemiskinan Relatif di Selangor iaitu RM3,612.
- 6.3 Jawatankuasa mendapati terdapat keperluan untuk membantu rakyat dalam merancang perbelanjaan berdasarkan hasil kajian SWRC yang telah menghasilkan Belanjawanku iaitu anggaran perbelanjaan bulanan bagi mengikut kategori isi rumah.

7. SARANAN JAWATANKUASA

- 7.1 Jawatankuasa mencadangkan kerajaan perlu menggunakan Garis Kemiskinan Relatif sebagai penentuan gerak kerja dan program kebajikan kerajaan di Selangor. Jawatankuasa mendapati daripada keterangan-keterangan saksi bahawa ini adalah lebih mencerminkan keperluan masyarakat berbanding dan pendapatan garis kemiskinan (PGK) yang terlalu rendah atau definisi B40 yang terlalu tinggi.


- 7.2 Setelah meneliti Corak Perbelanjaan bagi golongan berpendapatan di bawah RM4,000, RM3,000, dan RM2,000 yang dikeluarkan oleh DOSM, Jawatankuasa mendapati peruntukan terbesar adalah ke atas kumpulan utama Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain. Kerajaan perlu membina lebih banyak Rumah Selangorku Jenis A untuk membantu mengurangkan sebahagian besar beban perbelanjaan bulanan mereka. Ini akan membantu meningkatkan kualiti taraf hidup mereka kerana penjimatan yang diperolehi dapat digunakan untuk perbelanjaan lain.
- 7.3 Kerajaan perlu memberi kesedaran dan juga membantu rakyat dalam merancang perbelanjaan berdasarkan pendapatan bulanan dan bilangan tanggungan isi rumah yang mudah diakses seperti melalui aplikasi telefon pintar. “Financial tools” yang mudah digunakan boleh membantu meringankan proses merancang perbelanjaan sesebuah rumah tangga atau individu. Sekiranya perlu, Kerajaan boleh bekerjasama dengan pihak SWRC, UM yang sedang dalam perancangan membangunkan aplikasi android untuk pengurusan kewangan dan perbelanjaan. Ini juga dapat memberi kesedaran kepada rakyat mengenai kemampuan memiliki berdasarkan pendapatan bulanan mereka.
- 7.4 Pembangunan “financial tools” adalah hanya sebahagian kecil daripada usaha yang diperlukan. Usaha yang lebih besar adalah usaha kerajaan untuk memberi kesedaran bahawa individu atau keluarga harus belanja mengikut kemampuan dan mereka harus membuat perancangan kewangan untuk memastikan perbelanjaan adalah selaras dengan pendapatan.

8. PERAKUAN

Jawatankuasa ini ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada LZS, DOSM, SWRC, KWSP dan semua pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam menjayakan penyediaan penyata ini. Jawatankuasa berharap hubungan baik dapat dikekalkan di samping meningkatkan prestasi kecemerlangan dalam menjalankan fungsi dan peranan masing-masing.

Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh JPK-Pembasmian Kemiskinan dalam mesyuarat jawatankuasa bil. 12/2019 tarikh 2 Oktober 2019.

Disahkan oleh:


.....
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas
Pembasmian Kemiskinan